

04/05/1998

Paparkan patriotisme melalui Sukom: PM (HL)

Kamal Ahmad; Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu patriotisme, budaya dan tamadun rakyat Malaysia dicerminkan melalui organisasi penganjuran dan kejayaan Sukan Komanwel XVI (Sukom 98).

Perdana Menteri menegaskan, perbelanjaan RM1 bilion bagi menyediakan pelbagai kemudahan fizikal sukan kedua terbesar di dunia itu tidak memadai jika selaku tuan rumah, rakyat tidak menunjukkan ciri-ciri itu seperti semangat sukarelawan, berbudi bahasa dan menjaga kebersihan.

Menurutnya, reputasi negara dan kejayaan Sukom 98 bukan saja bergantung kepada kemudahan yang disediakan, keupayaan atlit dan organisasi penganjuran malah dedikasi yang akan ditunjukkan oleh 20,000 petugas sukarelanya.

Beliau berkata, patriotisme dan budaya harus dipaparkan oleh atlit, pegawai dan sukarelawan serta seluruh rakyat sebagai bukti mereka sayangkan negara.

"Kita mesti tentukan Sukom 98 mencapai kejayaan yang lebih baik daripada yang pernah dianjurkan oeh negara anggota Komanwel lain," katanya pada majlis perjumpaan dengan lebih 5,000 Sukarelawan Nadi 98 dan atlit Sukom 98 di Pusat Pameran Mines di sini hari ini.

Dr Mahathir melancarkan Kad Cendermata KL 98 dan pakaian seragam Sukan Sukarelawan Nadi 98 pada majlis itu.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin; dan Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Perdana Menteri berbangga kerana ramai rakyat negara ini yang mahu menjadi sukarelawan Sukom 98 yang dijadual berlangsung dari 11 hingga 21 September ini.

Menurutnya, ini membuktikan dedikasi rakyat dan kejayaan negara kerana acara yang besar seperti Sukom 98 tidak boleh dilaksanakan oleh tiga atau empat pegawai saja tetapi memerlukan komitmen rakyat keseluruhan.

Katanya, sesuatu bangsa tidak maju, dihormati dan bermaruah tinggi jika budaya mereka rendah serta tidak mahu membuat kerja sukarela.

"Janganlah kita cemarkan kejohanan dan imej negara dengan sesuatu yang tidak harus dilakukan sebagai tuan rumah. Justeru, jangan burukkan dengan perbuatan yang akan mencemarkan nama baik negara.

"Dengan semangat sukarelawan, patriotisme dan berbudaya, bangsa dan negara kita akan dimuliakan. Tingkah laku yang baik adalah penting dalam menentukan dunia menghormati kita.

"Saya yakin sukarelawan boleh! Atlit boleh! Malaysia boleh! Rakyat Malaysia boleh!" katanya disambut teriakan 'boleh' daripada sukarelawan dan atlit.

(END)